

PELAN STRATEGIK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

2021 - 2025



قِرَادَنْ قِرْ قُوْسِتَاكَانْ عَوَامْ تِرْغِيْكَافُ
PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU



PELAN STRATEGIK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

2021 - 2025



Diterbitkan Oleh :

**Bahagian Perancangan Pembangunan & Korporat
Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.**

PERPUSTAKAAN DUNIA ILMU, TEROKAILAH...

© Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu

Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan, ulangka, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, fizikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

01 PERUTUSAN PENGURUSI

02 SELAYANG PANDANG

03 RINGKASAN EKSEKUTIF
VISI DAN MISI

04 PIAGAM PELANGGAN

05 PUNCA KUASA

06 PEMEGANG TARUH
DAN PELANGGAN

07 FUNGSI PPAT

08 NILAI BERSAMA

09 ANALISIS KEKUATAN ,
KELEMAHAN, PELUANG
& ANCAMAN

10 KEKUATAN [STRENGTHS]

11 KELEMAHAN [WEAKNESSES]

12 PELUANG [OPPORTUNITIES]

13 ANCAMAN [THREATS]

14 - 36
TERAS STRATEGIK

37 MELANGKAU KE HADAPAN

38 PENUTUP

39 GLOSARI

PELAN STRATEGIK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

2021 - 2025

ISI KANDUNGAN



PERUTUSAN PENGERUSI

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَّاتُهُ

Salam sejahtera.

Alhamdulillah dan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah swt dengan limpah kurniaNya dapat kita merealisasikan penerbitan Pelan Strategik Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) 2021-2025.

Pelan Strategik PPAT merupakan pelan jangka pendek yang meliputi wawasan, aspirasi, polisi, hala tuju dan pelan tindakan bagi menjustifikasi kewujudan perpustakaan awam negeri Terengganu sebagai "jantung" dalam sistem sosial masyarakat yang berperanan untuk memenuhi keperluan maklumat masyarakat serta membantu kehidupan masyarakat ke arah konsep "Pembelajaran Sepanjang Hayat".

Melalui Pelan Strategik ini, diharapkan visi dan misi PPAT akan dapat dicapai serta dapat dijadikan panduan kepada warga kerja PPAT dalam melaksanakan setiap program yang telah dirancang.

Besarlah harapan saya agar warga kerja PPAT dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi serta dapat meningkatkan budaya membaca dikalangan masyarakat. Mudah-mudahan usaha dan komitmen yang ikhlas daripada seluruh warga kerja PPAT ini akan membawa hasil kepada seluruh rakyat negeri Terengganu Darul Iman.

Wassalam



Yang Berhormat
Haji Ridzuan bin Hashim

Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu



SELAYANG PANDANG

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu merupakan sebuah Badan Berkanun Negeri yang telah ditubuhkan dibawah Enakmen Bil.7 Tahun 1974.

Kemudian dipindahkan ke Bangunan Wisma Negeri pada 1 November 1977

1974

1977

1977

PPAT mula beroperasi pada 1 Ogos 1977 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu di Bukit Che Long, Kuala Terengganu.

Selain daripada itu, 49 buah Perpustakaan Desa telah diwujudkan bagi memberi peluang kepada orang ramai yang tinggal jauh di pedalaman mendapat keperluan pembacaan mereka. Pada tahun 2005 dan 2006, Kerajaan Persekutuan melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menubuhkan 39 buah Perpustakaan Desa menjadikan jumlah perpustakaan desa di seluruh negeri sebanyak 88 buah.

Seterusnya berpindah ke bangunan sendiri iaitu di Bangunan Tun Abdul Razak, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu pada tanggal 13 April 1979.

1979

2001

2005

Hasil daripada perkembangan ilmu dan maklumat yang kian pesat, bangunan tersebut tidak mampu lagi menampung bilangan pengunjung dan jumlah koleksi, maka PPAT sekali lagi telah berpindah ke bangunan baharu di Jalan Kemajuan, Padang Hiliran yang menelan belanja 33 juta. Bangunan baharu ini telah di rasmikan oleh DYMM Al-Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 22 Julai 2001. Sehingga kini, PPAT telah mengembangkan rangkaian perpustakaannya di enam buah daerah iaitu Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Marang dan Setiu disamping mempunyai 2 buah Perpustakaan Pekan di Pekan Kerteh, Kemaman dan Pekan Jerteh, Besut.

RINGKASAN EKSEKUTIF

VISI & MISI



VISI

Peneraju Perkhidmatan
Perpustakaan Yang Terunggul

MISI

Menyediakan Prasarana dan
Sumber Ilmu Yang Lengkap,
Terkini dan Kondusif Untuk
Seluruh Masyarakat

Memupuk Budaya Membaca
dan Pembelajaran Sepanjang
Hayat

Mengumpul dan Memelihara
Warisan Intelek Negeri

Membina Masyarakat Berilmu
dan Berintegriti

Pelan Strategik Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu 2021- 2025 ialah rujukan pihak pengurusan, warga kerja serta pemegang taruh PPAT dalam merealisasikan pelan tindakan program serta aktiviti berdasarkan strategi, pelan tindakan dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan.

Pelan yang mengandungi 5 teras strategik, 26 pecahan strategi dan 56 pelan tindakan strategi ini sejajar dengan prinsip kedua dan keempat Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030) iaitu:

Prinsip 2- Insan Berkualiti Aset Terpenting Negeri
Prinsip 4- Pembangunan Sosial dan Ekonomi adalah tanggungjawab Kerajaan dan Rakyat.

Pelan Strategik ini juga selaras dengan dasar-dasar yang mempunyai kaitan langsung dengan Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia iaitu Dekad Membaca Kebangsaan (DMK), Dasar Buku Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) serta merangkumi lain-lain dasar dalam bidang sosiobudaya dan pendidikan kebangsaan.

Pelaksanaan Pelan Stategik ini diharap dapat mengekalkan negeri Terengganu Darul Iman sebagai ‘Negeri Anjung Ilmu’ selaras dengan agenda kerajaan negeri ke arah “Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera” serta memperkasakan ilmu pendidikan demi faedah rakyat Terengganu Darul Iman.

PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji akan



PUNCA KUASA



01

Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, 1974

02

Kaedah-Kaedah Perpustakaan Terengganu, 1979

03

Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, Pindaan 2011

PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN



FUNGSI PPAT

Sebagaimana Yang Terkandung Dalam Enakmen Bil. 7/1974



NILAI BERSAMA

**KERJASAMA
BERPASUKAN**

INTEGRITI

**MESRA
PELANGGAN**

**PROFESIONAL
DALAM
PENUGASAN**

KONSEP A.J.I.

AMANAH

Menjadikan tugas yang dijalankan sebagai satu tanggungjawab

JUJUR

Melaksanakan tanggungjawab dengan berdisiplin dan berkemah

IKHLAS

Memberikan perkhidmatan yang terbaik tanpa mengharapkan sebarang balasan

KONSEP 3B

BERSIH

Dari segi kebersihan tempat kerja dan persekitaran bangunan

BAGUS

Dari segi kemudahan, koleksi dan prasarana perkhidmatan

BAIK

Dari segi layanan mesra dan perkhidmatan kepada pelanggan

ANALISA KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG & ANCAMAN (SWOT ANALYSIS)

Analisa persekitaran PPAT menggunakan model SWOT Analysis (Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats) sebagai rujukan utama bagi merangka Pelan Strategik PPAT 2021-2025.



KEKUATAN STRENGTHS

01

Infrastruktur yang lengkap dan kondusif

02

Lokasi strategik

03

Pemilikan bangunan

04

Warga kerja yang profesional dan berpengetahuan

05

warga kerja yang mesra pelanggan

06

Sumber perpustakaan yang pelbagai dan relevan

07

Kemudahan teknologi maklumat

08

Penggunaan sistem perpustakaan bersepadu

09

perkhidmatan yang mesra pengguna

10

Rangkaian perpustakaan yang menyeluruh

11

Mempunyai sumber informasi yang terkini dan menyeluruh

12

Aktiviti galakan membaca yang menyeluruh

13

Mempunyai perundangan dan peraturan yang lengkap sebagai garis panduan

14

Kerja berpasukan (Teamwork) yang tinggi

15

Pusat Bahasa Terengganu

16

Kemudahan U-Pustaka

17

Jalinan kerjasama yang erat dengan agensi luar

KELEMAHAN WEAKNESS

1

Penggunaan sistem perpustakaan yang belum menyeluruh di Perpustakaan Desa

2

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak yang tidak mencukupi

3

Kemudahan komputer yang telah lapuk dan “out of date”

4

Penggantian perabot yang belum menyeluruh di Perpustakaan Awam Daerah dan Desa

5

Kos penyelenggaran di Perpustakaan Awam Daerah dan Desa yang tinggi

6

Capaian internet yang terhad di Perpustakaan Awam Daerah dan Desa

7

Sumber kewangan yang terhad

PELUANG OPPORTUNITIES

1 Kerjasama yang baik daripada agensi dan jabatan kerajaan

2 Berada di lokasi strategik

3 Kesedaran terhadap tabiat membaca di kalangan masyarakat

4 Penggunaan platform media sosial yang meningkat

5 Penyediaan latihan dan kursus oleh jabatan kerajaan

6 Penglibatan pelbagai kaum dalam aktiviti perpustakaan

7 Sokongan daripada Kerajaan Negeri, Persekutuan dan pihak swasta

8 Permintaan tinggi terhadap perkhidmatan perpustakaan daripada komuniti setempat

9 Permintaan tinggi terhadap pembelajaran pelbagai bahasa daripada komuniti setempat

ANCAMAN THREATS

01

Pandemik Covid-19 menjelaskan perkhidmatan perpustakaan

02

Vandalism dikalangan pengguna

03

Masalah kecurian

04

Bencana alam

05

Persepsi sebilangan kecil masyarakat yang masih tidak menyedari kepentingan perpustakaan

TERAS STRATEGIK

5 TERAS STRATEGIK



Pengukuhan pengurusan dan organisasi melalui tadbir urus yang baik dan berintegriti



Pemantapan sumber rujukan utama dan pusat perolehan ilmu rakyat Terengganu



Pemantapan rangkaian perkhidmatan perpustakaan di seluruh negeri menjelang 2025



Memperkasakan budaya membaca masyarakat Terengganu menjelang 2025



Mewujudkan sumber warisan intelek dan budaya negeri yang unik dan komprehensif

TERAS 1 STRATEGIK

PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN ORGANISASI MELALUI TADBIR URUS YANG BAIK DAN BERINTEGRITI



TERAS STRATEGIK 1 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 1 : MEMANTAPKAN PERJAWATAN DAN ORGANISASI

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Semakan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) yang melebihi 5 tahun untuk pengukuhan perjawatan PPAT	Masa	2022
Pemantauan Pengisian Perjawatan di PPAT (89% Pengisian)	Masa	Setiap tahun
Pemantauan HRMIS (100% Pemilik Kompetensi dikemaskini ke dalam Sistem ASSIST)	Peratusan	100%
Menyemak dan Menyelaras myPortfolio setiap Bahagian dan Unit	Peratusan	100%

TERAS STRATEGIK 1 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 2 : MEMPERKASAKAN PENGURUSAN KUALITI DAN INOVASI

 PELAN TINDAKAN	 PENGUKURAN	 KPI
<p>Persijilan MS ISO 9001 : 2015 Persijilan EKSA</p> <p>Memantapkan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif Menyertai pertandingan Horizon Baharu KIK Peringkat Negeri dan Perpustakaan Se-Malaysia</p>	<p>Masa Sijil dan Anugerah</p>	<p>2022 Setiap tahun</p>

STRATEGI 3 : MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN LATIHAN DAN KERJAYA

 PELAN TINDAKAN	 PENGUKURAN	 KPI
<p>Memantapkan Program Latihan dalam bidang bersesuaian</p> <p>Menghantar Pegawai/Kakitangan menyertai pelbagai program dalam dan luar Negara. Contoh : IFLA, OCLC, CONSAL</p>	<p>Bilangan Bilangan</p>	<p>7 kali setahun (Semua warga kerja)</p> <p>5 orang</p>

TERAS STRATEGIK 1 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 4 : MENINGKATKAN NILAI-NILAI MURNI DAN INTEGRITI WARGA KERJA

	PELAN TINDAKAN		PENGUKURAN		KPI
Program Penghayatan Integriti		Bilangan	2 kali setahun		
Menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah PPAT		Masa		2021	

STRATEGI 5 : MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN PPAT

	PELAN TINDAKAN		PENGUKURAN		KPI
Mendapat Sijil Bersih Penyata Kewangan dari Ketua Audit Negara		Bilangan	Setiap tahun		
Pelaksanaan Mesyuarat JPKA dan Mesyuarat Pengurusan Aset serta Unit Audit Dalam secara berterusan		Bilangan	Setiap suku tahun		
Pematuhan Sistem SAGA		Masa	2021		

TERAS STRATEGIK 1 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 6 : MEMANTAPKAN PRASARANA PERPUSTAKAAN

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Menyediakan peruntukan bagi pembaikian bangunan-bangunan perpustakaan yang tidak selamat untuk diduduki	Masa	Setiap tahun
Menambahbaik dan menaiktaraf perpustakaan sesuai dengan peredaran zaman	Bilangan	2 PD setahun
Penggantian dan penambahan Perpustakaan Bergerak dan kenderaan jabatan yang tidak lagi sesuai untuk beroperasi	Bilangan	1 kenderaan setahun

TERAS STRATEGIK 1 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 7 : MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN INFORMATION COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT)

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Memantapkan pengurusan Sistem ICT melalui pembangunan sistem aplikasi baharu untuk kelancaran operasi	Bilangan	2 aplikasi setahun
Menaiktaraf Sistem Rangkaian Perpustakaan	Masa	2022 - 2024
Pembangunan Prasarana ICT : Menaiktaraf server, komputer dan talian kepada yang lebih baik	Masa	2022 - 2025

TERAS STRATEGIK 2

PEMANTAPAN SUMBER RUJUKAN UTAMA DAN PUSAT PEROLEHAN ILMU RAKYAT TERENGGANU

**STRATEGI
01**

Mempertingkatkan promosi melalui media cetak, media elektronik dan media sosial

**STRATEGI
06**

Memantapkan koleksi yang pelbagai dan relevan

**STRATEGI
02**

Memperluaskan perkhidmatan perpustakaan kepada komuniti setempat

**STRATEGI
07**

Memantapkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi kepada pengguna

**STRATEGI
03**

Mewujudkan persekitaran yang menarik, ceria dan kondusif

**STRATEGI
08**

Memperkasakan koleksi perpustakaan melalui Konsortium U-Pustaka

**STRATEGI
04**

Menambah bilangan pengunjung / pinjaman / keahlian sebanyak 5% setahun

**STRATEGI
09**

Menggunakan standard antarabangsa yang terkini dalam pengorganisasian dan pendokumentasian sumber perpustakaan

**STRATEGI
05**

Mempraktikkan Amalan Terbaik *Best Practices* di semua perpustakaan

**STRATEGI
10**

Menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan dalam usaha mempromosikan tabiat membaca dikalangan masyarakat

TERAS STRATEGIK 2 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 1 : MEMPERTINGKATKAN PROMOSI MELALUI MEDIA CETAK, MEDIA ELEKTRONIK DAN MEDIA SOSIAL

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Hebahan program dan aktiviti terkini	Bilangan	Setiap minggu

STRATEGI 2 : MEMPERLUASKAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN KEPADA KOMUNITI SETEMPAT

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Pemantapan perkhidmatan perpustakaan melalui Pinjaman Antara Perpustakaan (<i>Inter Library Loan</i>) Pinjaman Berkelompok (<i>Cluster Loan</i>) dan perkhidmatan pintu ke pintu (<i>Door to Door</i>)	Bilangan	2 agensi sebulan

TERAS STRATEGIK 2 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 3 : MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG MENARIK, CERIA DAN KONDUSIF

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Menyediakan fasiliti yang mengutamakan kepuasan pelanggan Mewujudkan suasana dalaman bangunan perpustakaan yang selesa	Masa Masa	2021 2021

STRATEGI 4 : MENAMBAH BILANGAN PENGUNJUNG / PINJAMAN / KEAHLIAN SEBANYAK 5% SETAHUN

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Mengadakan kerjasama dengan rakan strategik Menyediakan prasarana ICT yang lengkap	Bilangan Masa	2 kali sebulan 2023

TERAS STRATEGIK 2 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 5 : MEMPRAKTIKKAN AMALAN KERJA TERBAIK *BEST PRACTICES* DI SEMUA PERPUSTAKAAN

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Layanan yang mesra dan berkualiti	Kualiti	Meminimakan aduan
Melaksanakan kaji selidik tahap kepuasan pelanggan	Masa	2021
Memastikan setiap aduan dan cadangan pengguna dari pelbagai saluran diberi maklum balas segera	Masa	3 hari bekerja

TERAS STRATEGIK 2 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 6 : MEMANTAPKAN KOLEKSI YANG PELBAGAI DAN RELEVAN

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Peruntukan yang mencukupi untuk perolehan sumber perpustakaan (SP)	Nilai	RM 2.0 juta setahun
Mengenalpasti penerbit dan pembekal yang berkualiti	Kualiti	Mencapai markah 80% ke atas berdasarkan Penilaian Prestasi Pembekal
Memperkasakan koleksi peribadi dengan penambahan koleksi dari tokoh-tokoh tempatan	Mohon sumbangan atau beli	Nilai

TERAS STRATEGIK 2 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 7 : MEMANTAPKAN KEMUDAHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KEPADA PENGGUNA

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Menaiktaraf “Library Management System (LMS)” yang bercirikan “Client Based” kepada “Web Based”	Masa	2021-2022
Memperluaskan penggunaan Sistem W-ILMU ke Perpustakaan Desa yang terpilih	Masa	2021-2025

TERAS STRATEGIK 2 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 8 : MEMPERKASAKAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN MELALUI KONSORTIUM U-PUSTAKA

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Memuatnaik data ke Katalog Induk Kebangsaan (KIK) untuk rujukan seluruh masyarakat sama ada di dalam atau luar negara. Ini bagi membolehkan sumber perpustakaan (SP) PPAT dapat diakses dengan cepat	Kualiti	2 kali setahun
Memperkasakan lagi koleksi dengan melanggan Pangkalan Data secara konsortium untuk rujukan segenap lapisan masyarakat	Masa	Tahunan

TERAS STRATEGIK 2 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 9 : MENGGUNAKAN STANDARD ANTARABANGSA YANG TERKINI DALAM PENGORGANISASIAN DAN PENDOKUMENTASIAN SUMBER PERPUSTAKAAN

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Proses pendokumentasian sumber perpustakaan (SP) berasaskan RDA	Kualiti	Harian
Pengkelasan sumber perpustakaan (SP) adalah berpandukan DDC	Kualiti	Harian
Penetapan Fail Kuasa Tajuk Perkara adalah berasaskan LCSH	Kualiti	Harian

TERAS STRATEGIK 2 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 10 : MENYEDIAKAN KHIDMAT NASIHAT DAN BIMBINGAN DALAM USAHA MEMPROMOSIKAN TABIAT MEMBACA DIKALANGAN MASYARAKAT

	PELAN TINDAKAN		PENGUKURAN		KPI
Mengadakan Kursus Asas Perpustakaan Memberi khidmat nasihat profesional dalam bidang kepustakawan		Bilangan		Sepanjang tahun	

TERAS STRATEGIK 3

PEMANTAPAN RANGKAIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DI SELURUH NEGERI MENJELANG 2025



Membina perpustakaan
baru di daerah Kuala
Nerus dan Pekan Jerteh

Menaiktaraf
Perpustakaan sedia ada

Memperkasakan
perkhidmatan
perpustakaan bergerak

TERAS STRATEGIK 3 PELAN TINDAKAN

STRATEGI 1: MEMBINA PERPUSTAKAAN BAHARU DI DAERAH KUALA NERUS DAN PEKAN JERTEH

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Membina Perpustakaan Daerah Kuala Nerus	Masa	2024
Mengenalpasti lokasi / tapak untuk cadangan binaan Perpustakaan Pekan Jerteh	Masa	2023

STRATEGI 2 : MENAIKTARAF PERPUSTAKAAN SEDIA ADA

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Sedia peruntukan dalam belanjawan tahunan	Bilangan	3 buah setahun

STRATEGI 3 : MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN BERGERAK

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
<ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Awam Daerah Setiu - Perpustakaan Awam Daerah Dungun - Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu 	Bilangan	1 buah bas bagi setiap daerah

TERAS STRATEGIK 4

MEMPERKASAKAN BUDAYA MEMBACA MASYARAKAT TERENGGANU MENJELANG 2025



MENINGKATKAN GALAK GUNA PERPUSTAKAAN MELALUI PENGLIBATAN KOMUNITI DAN RAKAN STRATEGIK



MEMPERBANYAKKAN PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT



MEMPERBANYAKKAN PROGRAM BERBENTUK CSR

TERAS STRATEGIK 4 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 1 : MENINGKATKAN GALAK GUNA PERPUSTAKAAN MELALUI PENGLIBATAN KOMUNITI DAN RAKAN STRATEGIK

	PELAN TINDAKAN		PENGUKURAN		KPI
Mempelbagaikan aktiviti berbentuk program <i>outreach</i> kepada golongan sasaran yang memerlukan		Kuantiti	3 kali sebulan		

STRATEGI 2 : MEMPERBANYAKKAN PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

	PELAN TINDAKAN		PENGUKURAN		KPI
Mengadakan Program Literasi Media dan Maklumat secara bersemuka dan maya		Masa	Sekali sebulan		

STRATEGI 3 : MEMPERBANYAKKAN PROGRAM BERBENTUK CSR

	PELAN TINDAKAN		PENGUKURAN		KPI
Jalinan Kasih Tautan Budi (JKTB)		Kuantiti	2 kali setahun		

TERAS STRATEGIK 5

MEWUJUDKAN SUMBER WARISAN INTELEK DAN BUDAYA NEGERI YANG UNIK DAN KOMPREHENSIF



TERAS STRATEGIK 5 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 1: MEMANTAPKAN KOLEKSI MAKLUMAT TEMPATAN YANG KOMPREHENSIF

	PELAN TINDAKAN		PENGUKURAN		KPI
Mengadakan program Jejak Warisan		Masa		Tahunan	
Menerbitkan buku dari penulis tempatan berdasarkan Garis Panduan Penerbitan Buku		Bilangan		2 tahun sekali	
Mendapatkan sumber perpustakaan berkaitan negeri Terengganu		Masa		Sepanjang tahun	

STRATEGI 2 : MEMPERKASAKAN GALERI PENULIS TERENGGANU

	PELAN TINDAKAN		PENGUKURAN		KPI
Mempergiatkan aktiviti berkaitan buku yang ditulis oleh Penulis Terengganu		Bilangan		Sekali sebulan	

TERAS STRATEGIK 5 **PELAN TINDAKAN**

STRATEGI 3 : MEMANTAPKAN PENGURUSAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN KOLEKSI TEMPATAN

PELAN TINDAKAN	PENGUKURAN	KPI
Mendigitkan bahan-bahan koleksi tempatan	Bilangan	3 judul sebulan

MELANGKAU KE HADAPAN

Pelaksanaan Pelan Strategik PPAT 2021- 2025 ini akan menyerlahkan lagi peranan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu sebagai pusat komuniti setempat serta mengekalkan negeri Terengganu sebagai negeri 'Anjung Ilmu'. Oleh kerana agenda kecemerlangan ilmu pengetahuan di negeri Terengganu adalah agenda yang berterusan, maka Pelan Strategik PPAT Tahun 2021 hingga 2025 bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Perancangan ini perlu disusuli dengan iltizam serta daya usaha yang gigih ke arah penambahbaikan kemudahan prasarana, peningkatan kualiti perkhidmatan bagi menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan Perpustakaan.

PPAT perlu mengorak langkah untuk melakukan transformasi dalam sistem penyampaian maklumat, sistem perkhidmatan perpustakaan serta penambahbaikan dalam penyediaan peralatan teknologi maklumat berdasarkan kepada keperluan pelanggan hari ini. Selepas tahun 2025, diharapkan PPAT dapat merealisasikan wawasan untuk menjadi perpustakaan yang terunggul iaitu mempunyai pengurusan pentadbiran, pengurusan kewangan yang cekap serta dijadikan penanda aras dan pusat rujukan utama perkhidmatan perpustakaan di negeri Terengganu Darul Iman selaras dengan agenda kerajaan negeri ke arah "Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera".

PENUTUP

Pelan Strategik Perbananan Perpustakaan Awam Terengganu 2021-2025 ini akan dijadikan pemangkin kepada gerak kerja pihak pengurusan, pihak kakitangan serta pihak berkepentingan PPAT dalam merealisasikan program-program yang dapat memberikan impak positif kepada segenap lapisan masyarakat di negeri Terengganu Darul Iman. Dokumentasi Pelan Strategik ini menzahirkan gerak kerja yang perlu dilaksanakan oleh setiap warga kerja PPAT ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan, kepuasan pelanggan seterusnya dapat memberi sumbangan kepada sistem sosial masyarakat. Kejayaan Pelan Strategik ini bergantung kepada ketekunan dan usaha gigih semua pihak berkepentingan dalam merealisasikan setiap perancangan strategi yang telah dirancang. Semoga PPAT berjaya menjadi Perpustakaan yang terunggul di negara ini.

GLOSARI

Client Base	Sistem berasaskan Keperluan Pelanggan
CONSAL	Conference of South East Asia Library
CSR	Corporate Social Responsibility
DDC	Dewey Decimal Classification
Horizon Baharu KIK	Pertandingan Inovasi dan Kreativiti
ICT	Information and Communications Technology
IFLA	International Federation of Library Associations and Institutions
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Akaun
KIK	Katalog Induk Kebangsaan
LCSH	Library of Congress Subject Headings
LMS	Library Management System
OCLC	Online Computer Library Center
PAD	Perpustakaan Awam Daerah
PB	Perpustakaan Bergerak
PD	Perpustakaan Desa
RDA	Resource Description and Access
SAGA	Standard Accounting System for Government Agencies
Sistem ASSIST	Sistem Analitik Sumber Manusia Sektor Awam
SP	Sumber Perpustakaan
Web Base	Sistem berasaskan Aplikasi Laman Sesawang



قِرَادَنْ فِرْقُونْسِتَاكَانْ عَرَامْ تِرْغَكَوْ
Perbadanan Perpustakaan
Awam Terengganu

PELAN STRATEGIK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

2021 - 2025

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

www.trglib.gov.my

+609-622 1100 / +609-622 0052

+609-622 1534

ppat@trglib.gov.my



PERPUSTAKAAN DUNIA ILMU, TEROKAILAH...